

MAHATHIR - PEGUAM

(I)

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PARA PROFESIONAL MALAYSIA YANG BIASANYA TERMASUKLAH PEGUAM, MASIH BELUM BEGITU BERJAYA MENCAPAI MUTU PROFESIONALISME YANG TINGGI YANG DIHARAPKAN DARIPADA MEREKA MELALUI PERATURAN DIRI.

SEORANG PROFESIONAL SEPATUTNYA BERKEMAHIRAN TINGGI, BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT DAN KOMITMENT YANG MENDALAM KEPADA PELANGGAN, KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KELAPAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA DI SINI.

DAN PERATURAN DIRI BERERTI PARA PROFESIONAL SENTIASA MENINGATI DAN MENGENAKAN KE ATAS DIRI MEREKA MATLAMAT -- SEMUA BAIK DALAM PROFESION DAN PROFESION ITU MAJU DENGAN KEPENTINGAN MASYARAKAT UMUM, TAMBAHNYA.

WALAUPLUN PERLU DIADAKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI PELBAGAI PERKARA UNTUK MELINDUNGI PARA PENGGUNA, PARA PROFESIONAL MASIH PERLU MENGENAKAN PERATURAN KE ATAS DIRI SENDIRI, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI MENGESALI KERANA +BADAN-BADAN PROFESIONAL INI LEBIH BERJAYA MEMASTIKAN BADAN-BADAN ITU TERTUTUP, SATU MONOPOLI. -- LAGI.

MAHATHIR - PEGUAM 2 KUALA LUMPUR

(I)

+AKIBATNYA, KEPENTINGAN ANGGOTA-ANGGOTA MELEBEHI KEPENTINGAN MASYARAKAT UMUM, MALAH NEGARA SEKALIPUN. KEADAAN KEKURANGAN BEKALAN DIKEKALKAN SUPAYA KEPERLUANNYA MELEBEHI BEKALAN. APA-APA MONOPOLI DALAM APA JUA KEADAAN DAPAT MELETAKKAN SYARAT.

+JADI, TIDAKLAH MENGHAIRANKAN JIKA BADAN-BADAN PROFESIONAL INI DAPAT MENGEKALKAN TARAF HIDUP YANG TINGGI UNTUK PARA ANGGOTANYA,+ TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHWA PARA PROFESIONAL MESTILAH BERSIKAP JUJUR, AMANAH, OBJEKTIF DAN TIDAK BERAT SEBELAH DAN MEREKA JUGA TIDAK HARUS MEMBABITKAN DIRI SECARA EMOSI DENGAN PARA PELANGGAN.

BELIAU BERKATA, ADA PELANGGAN YANG BERSUNGUT TENTANG PERKHIDMATAN YANG TIDAK CEKAP DAN KURANG MEMUASKAN, CARA-CARA YANG DI LUAR AMALAN PROFESION DAN MEMPERNIAGAKAN UNDANG-UNDANG.

BELIAU MENEGASKAN, MENIPU PELANGGAN ADALAH TIDAK AMANAH DAN MERUPAKAN JENAYAH MORAL, MALAH DIANGGAOP LEBIH SERIUS DALAM AMALAN PERUNDANGAN KERANA JIWA DAN MASA HADAPAN PELANGGAN TERBABIT. -- LAGI

MAHATHIR - PEGUAM 3 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI MUNGKIN ADA KES-KES DI MANA PEGUAM KADANGKALA TERPAKSA BERURUSAN DENGAN PELANGGAN YANG TIDAK JUJUR YANG MAHUKAN PEGUAM HANYA MEMBERITAHU APA YANG MEREKA KEHENDAKI.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, PEGUAM HENDAKLAH CUBA BERUSAHA BERSIKAP JUJUR KERANA KEDUDUKAN DAN TUGAS MEREKA KEPADA MASYARAKAT.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATKAN PARA PEGUAM JANGAN MENONJOLKAN PERASAAN DAN KEPERCAYAAN MEREKA SENDIRI KEPADA PARA PELANGGAN, KERANA INI AKAN MEMPENGARUHI PARA PELANGGAN KEPADA DAKYAH ATAUPUN KEPERCAYAAN PEGUAM-PEGUAM ITU SENDIRI.

DALAM KEADAAN INI, KEPENTINGAN PELANGGAN MENJADI PERKARA KEDUA DAN KEMUNGKINANNYA DIA AKAN TERPAKSA MENANGGUNG KESAN KEPOPULERAN ATAU PERLAKUAN KASAR PEGUAM MEREKA, PERKEMBANGAN YANG MENURUT PERDANA MENTERI, BOLEH DILIHAT SEKARANG.

YANG TURUT HADIR DI PERASMIAN PERSIDANGAN TIGA HARI ANJURAN MAJLIS PEGUAM MALAYSIA ITU IALAH KETUA HAKIM NEGARA, TUN HAJI SALLEH ABBAS, HAKIM BESAR MALAYA, TAN SRI ABDUL HAMID OMAR DAN HAKIM BESAR BORNEO, TAN SRI LEE HUN HOE. -- BERNAMA